

**CADANGAN PENGUBAHSUAIAN DAN REKABENTUK RUANG
DALAMAN BARU BAGI RUANG LEGAR STESEN KERETAPI TANAH
MELAYU BERHAD(KTMB) DI 4244 JALAN BAGAN DALAM,12100
BUTTERWORTH,PULAU PINANG UNTUK TETUAN KERETAPI TANAH
MELAYU BERHAD(KTMB)**

OLEH

**NORDAYANA BT SADELI
2003260595
DIPLOMA REKABENTUK DALAMAN**

**JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
KAMPUS SRI ISKANDAR**

APRIL 2006

PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t

Pertama sekali saya mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan seribu rasa syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpah kurnianya dapat juga saya menyiapkan laporan dan tesis ini tepat pada masanya.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih di atas segala jasa baik dan berkat bimbingan serta dorongan yang tidak henti – henti dari semua pensyarah Jabatan Rekabentuk Dalaman yang banyak membantu saya selama ini terutama kepada Cik Mawar bt Masri selaku pensyarah yang mengajar tesis juga merangkap penyelia tesis yang turut bersama-sama memberi panduan,dorongan serta teguran untuk menghasilkan laporan ini dengan jayanya. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah yang mengajar Rekabentuk Dalaman 06 yang telah banyak membantu saya menghasilkan projek ini.Alhamdulillah atas berkat bimbingan daripada para pensyarah,segala kelemahan dan kesilapan dapat dipelajari dan diperbaiki sepanjang menyiapkan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya kepada Encik Nazaruddin Zakaria selaku Penyelia Stesen SBU,Perkhidmatan Antara Bandar KTM Butterworth,En Mansor Saari selaku Ketua pada bahagian kawalan,En Sabri Saad serta para kakitangan KTM Butterworth yang banyak memberi maklumat,komen dan pendapat serta kerjasama yang amat baik sekali.

Terima kasih juga kepada rakan – rakan seperjuangan yang telah banyak memberi bantuan dari segi pelajaran,maklumat dan tunjuk ajar serta tidak jemu – jemu melayan dan membantu ketika saya tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian atau ‘stuk’ sepanjang menyiapkan tesis ini..Budi kalian hanya tuhan saja dapat membalasnya.

Akhir sekali jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberi dorongan dan bantuan.

ABSTRAK

Stesen keretapi telah bertapak di negara kita sejak berkurun lamanya. Namun masyarakat pada masa kini masih lagi kurang menggunakan perkhidmatan ini kerana terdapat beberapa kelemahan yang dapat dikenal pasti iaitu dari aspek perkhidmatan dan system yang sedia ada.

KTM Berhad berperanan sebagai pengangkutan darat yang penting dalam pengangkutan barang dalam kuantiti dan jumlah yang besar selain berperanan sebagai penghubung antara bandar di seluruh Malaysia dan pengangkutan penumpang dari satu destinasi ke destinasi yang lain.

Peranan KTM berhad sebagai pintu masuk utama pelancong luar iaitu dari Bangkok, Hat Yai dan Singapura serta pelancong tempatan turut menjadikan stesen ini sebagai salah satu tempat tumpuan yang seharusnya dimajukan oleh kerajaan kita. Kemasukan sistem baru dijangka dapat mempermudah pengurusan dan menampakkan stesen tersebut lebih moden dan setaraf dengan peranannya sebagai pintu masuk utama pelancong dari luar negara.

Oleh itu adalah wajar sebuah stesen keretapi yang menggunakan sistem pengurusan dan rekabentuk dalaman yang baru diwujudkan bagi menyelesaikan setiap permasalahan yang wujud di sekitar stesen keretapi tersebut.

Dengan wujudnya pelbagai kemudahan serta pengabungan reka bentuk baru dan lama diharap dapat menaikkan kadar penggunaan keretapi pada masa akan datang. Selain dari itu, menjadi tanggungjawab kita mempertahankan salah satu sistem pengangkutan yang tertua di negara kita.

ISI KANDUNGAN

M / S

Penghargaan
Abstrak
Isi kandungan
Senarai rajah
Senarai jadual
Senarai lampiran

Isi Kandungan

- Bab 1.0 Pengenalan
- 1.1 Pengenalan kajian
- 1.1.1 Matlamat
 - 1.1.2 Objektif
 - 1.1.3 Metodologi
 - 1.1.4 Kepentingan Kajian
- 1.2 Klien
- 1.2.1 Pendahuluan
 - 1.2.2 Latar Belakang Klien
 - 1.2.2.1 Sejarah Penubuhan
 - 1.2.2.2 Lokasi stesen beroperasi
 - 1.2.3 Logo
 - 1.2.4 Warna korporat
 - 1.2.5 Visi klien
 - 1.2.6 Misi klien
 - 1.2.7 Carta organisasi
- Bab 2.0 Projek
- 2.1 Pengenalan projek
- 2.1.1 Kehendak Klien
 - 2.1.1.1 Keperluan ruang
 - 2.1.1.2 Keperluan kemudahan
 - 2.1.2 Skop kerja
 - 2.1.2.1 Luar bangunan
 - 2.1.2.2 Dalam bangunan
 - 2.1.2.3 Penambahan/pembuangan bangunan
 - 2.1.2.4 Kawasan sekeliling bangunan
 - 2.1.3 Skop Aktiviti Projek
 - 2.1.4 Sasaran Pengguna
- 2.2 Kajian kes
- 2.2.1 Kajian kes dalam negara
 - 2.2.1a Kajian Kes 1

BAB 1

1.0 PENGENALAN

1.1 PENGENALAN KAJIAN

Negeri Pulau Pinang terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Negeri ini terletak di antara negeri Kedah dan Perak. Ia diberi jolokan 'Pulau Mutiara' yang membawa maksud keindahan semulajadi yang dikelilingi air, lautan. Pulau Pinang terbahagi kepada 2 bahagian di mana satu bahagian dipisahkan oleh laut dan dipanggil Pulau Pinang manakala satu bahagian lagi dikenali sebagai Seberang Perai. Jambatan Pulau Pinang dan feri menjadi penghubung utama dua bahagian ini.

Pulau Pinang mempunyai sistem jalan raya yang baik. Negeri ini juga mempunyai jalan keretapi yang merentangi bahagian barat dari utara ke selatan. Stesen keretapi ini juga bersambung terus ke Bandar-bandar besar negeri Thailand iaitu Bangkok dan Hat Yai melalui Arau dan Terminal Padang Besar, Perlis dari Johor dan Singapura. Stesen-stesen keretapi yang lain terdapat juga di Bukit Mertajam dan Seberang Perai Utara.

KTM Butterworth merupakan pintu masuk utama bagi penumpang yang menggunakan Keretapi Ekspres Langkawi iaitu dari Hat Yai dan International Ekspres iaitu dari Bangkok serta Keretapi E&O (Eastern & Oriental) di mana keretapi tersebut akan singgah di stesen Butterworth untuk perkhidmatan penyelenggaraan seperti mengisi minyak, generator, mengisi air, mengisi bekalan makanan selama 3 hingga 4 jam. Sementara itu para pelancong akan dibawa ke tempat-tempat menarik di sekitar Pulau Pinang seperti Road Walk, Tanjung Bungah, Bukit Bendera, menaiki beca di Padang Kota dan sebagainya.